

LKIM, Perikanan labuh unjam untuk nelayan Lubuk Temiang, Tanjung Aru

Oleh Henry Bating

LABUAN: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mengadakan kerjasama strategik bersama Jabatan Perikanan Malaysia untuk melabuhkan unjam bagi komuniti nelayan di jeti Kg Lubuk Temiang di sini semalam.

Pengarah LKIM Bahagian Infrastruktur Zarina Abdul Latiff berkata, program tukun tiruan dan unjam itu bertujuan memulihara dan meningkatkan sumber perikanan bagi menjamin bekalan protein rakyat negara ini khususnya di Labuan.

"Unjam dibina sebagai tempat perlindungan sementara bagi ikan-ikan dan hidupan laut bersaiz kecil berlindung dan mencari makanan," katanya.

Zarina menjelaskan melalui kaedah pembinaan unjam, kalangan nelayan dapat melakukan tangkapan ikan dengan lebih efisien mengikut Akta Perikanan 1985.

Turut hadir Anuar Deraman selaku Pegawai Perikanan Jabatan Perikanan Malaysia Adam Rezqual Ramlic Pegawai Ehwal Ekonomi LKIM Labuan Abdol Samat Mustapha selaku Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Labuan (Penawan) dan Badrun Jilli Pengurus Besar Penawan.

Menurutnya, kerjasama

yang dijalankan diharapkan dapat meningkatkan pembangunan unjam di perairan perikanan Malaysia.

Selain Lubuk Temiang, Kg Tanjung Aru juga terlibat dalam pelaksanaan program itu yang melibatkan 44 nelayan dan 38 vesel berdaftar terdiri dari kalangan ahli-ahli Penawan.

Kalangan nelayan dua kampung berkenaan menangkap ikan dengan menggunakan perkakasan pancing, pukot hanyut, pukot rentang dan bubu ikan.


Mengikuti rekod, hasil pendaratan ikan dari Kampung Tanjung Aru sepanjang 2019 ialah 96,000 Kg bernilai RM823,745.00.

Manakala Kampung Lubuk Temiang mendaratkan hasil sebanyak 130,984kg yang bernilai RM808,201.00 di mana kedua-dua kampung berkenaan menyumbang 7.67 peratus daripada nilai keseluruhan pendaratan ikan di sini.

Sebanyak 14 unjam buluh dan daun kelapa dilabuhkan bersama tiga unit pemberat konkrit (culvert) bagi setiap satu unjam.

Setiap unit pemberat konkrit memiliki berat 180kg yang dibawa bersama unjam ke laut dengan jarak dua batu nautika daripada pantai iaitu zon tangkapan nelayan pantai.

Unjam itu berfungsi ganda di mana bahagian bawah ta-



UNJAM: Buluh serta daun kelapa dilabuhkan.



KONKRIT: Pemberat dinaikkan ke atas perahu untuk meletak unjam dua batu nautika dari pantai.

pak sebagai tukun pembiakan ikan manakala bahagian atas unjam berperanan menarik dan mengumpul ikan ke kawasan unjam untuk tujuan penangkapan.

Unjam berkenaan diserahkan kepada komuniti kampung yang terlibat supaya mereka saling menjaga

sumber rezeki untuk faedah bersama.

Program itu katanya akan dapat memastikan kelestarian sumber perikanan negara, meningkatkan sumber pendapatan nelayan tempatan, mengurangkan kos operasi penangkapan ikan, membantu dan memudahkan

aktiviti pencarian serta penangkapan ikan oleh nelayan tempatan.

"Program ini juga dapat memudahkan kerja-kerja menyelamat dengan lebih berkesan kerana lokasi penangkapan ikan oleh nelayan tempatan dapat dikenal pasti," katanya.